

KHUTBAH JUMAAT

“PENDIDIKAN ANAK-ANAK SATU TANGGUNGJAWAB” (3 Januari 2025M/ 3 Rejab 1446H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الذِّي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمْرَنَا
بِالْتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, tahun baharu 2025 telah menjelang tiba. Bersyukurlah kepada Allah *subhanahu wata'ala* kerana dengan limpahan rahmat-Nya masih memberi pinjaman usia kepada kita. Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat yang lain. Khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk *“Pendidikan Anak-Anak Satu Tanggungjawab”*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Anak-anak merupakan anugerah yang amat berharga daripada Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita. Satu amanah dan juga ujian bagi ibu bapa yang dijanjikan dengan balasan kebaikan dan ganjaran

yang amat besar oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah at-Taghabun, ayat 15:

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ (١٥)

Maksudnya: Sesungguhnya, harta benda dan anak pinakmu hanya ujian (bagimu) dan di sisi Allah jualah pahala yang besar.

Antara tanggungjawab utama ibu bapa terhadap anak-anak adalah memberikan didikan ilmu dan akhlak yang secukupnya, sama ada melalui pendidikan di rumah maupun di sekolah. Ilmu yang paling utama untuk diterapkan ke dalam diri mereka adalah ilmu keagamaan dan juga penekanan terhadap akhlak-akhlak yang mulia. Dengan memiliki ilmu agama dan mengamalkan akhlak yang soleh, akan menjadikan mereka anak yang baik dan membahagiakan hati ibu bapa. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Furqan, ayat 74:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتَنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا (٧٤)

Maksudnya: Dan mereka berdoa dengan berkata, "Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah daripada isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyejuk mata hati (kami), danjadikanlah kami pemimpin bagi orang yang bertaqwa.

Sebagai ibu bapa, kita bertanggungjawab memperkuatkan ilmu yang anak-anak kita pelajari semasa mereka di sekolah dalam

kehidupan di rumah ketika berada bersama-sama kita. Justeru, ibu bapa hendaklah meluangkan masa untuk duduk bersama mereka dan membantu mengulang kaji pelajaran yang dipelajari di sekolah. Bantulah mereka dengan kemampuan yang ada pada diri kita, sama ada dengan buah fikiran mahupun semangat dan motivasi. Cara sebegini akan menjadikan anak-anak merasa lebih dihargai, lantas akan dapat meningkatkan motivasi pembelajaran mereka.

Pada masa yang sama, mereka juga akan bersikap lebih terbuka dengan ibu bapanya dan dapat meluahkan segala masalah yang dihadapi di sekolah. Keakraban kita sebagai ibubapa dengan anak-anak terutama dalam membantu mengatasi masalah-masalah persekolahan dan masalah-masalah peribadi, sekaligus dapat menjauhkan mereka daripada perkara-perkara yang negatif seperti keluar berpeleseran kerana inginkan perhatian orang lain, bersikap kurang ajar terhadap orang tuanya, mengambil jalan mudah menyelesaikan masalah dengan dadah dan sebagainya.

Ibu bapa juga bertanggungjawab untuk menyedia dan mewujudkan suasana pembelajaran yang baik bagi anak-anak di rumah. Keadaan seperti ini akan membantu mereka dalam mengulangkaji pelajaran dan menyempurnakan tugas-tugas sekolah. Sediakanlah ruang atau tempat yang khusus untuk mereka belajar. Belanjakanlah sedikit wang dan harta untuk alat-alat keperluan pembelajaran mereka. Elakkan pertengkar atau perselisihan yang berlaku antara ibu bapa daripada didengari oleh anak-anak kerana ia akan

menyebabkan mereka hilang tumpuan untuk belajar hingga menjaskan mutu pembelajaran mereka.

Selain itu, ibu bapa hendaklah sentiasa memberikan galakan dan rangsangan kepada anak-anak untuk terus maju dalam bidang pelajaran yang mereka lalui. Menyedari kesukaran dalam memahami pelajaran mereka, maka ibu bapa perlu berperanan menanamkan sifat sabar dalam jiwa anak-anak. Doronglah anak-anak untuk terus berusaha mengatasi kesukaran-kesukaran yang dihadapi di samping memperbanyakkan tawakal kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Didiklah anak-anak agar sentiasa melazimkan diri dengan doa kerana sesungguhnya doa itu adalah senjata bagi orang yang beriman dan bersabar, bahkan sangat membantu kejayaan seseorang pelajar. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Yusuf, ayat 87:

يَبْنِي أَذْهَبُوا فَتَحَسَّسُوا مِنْ يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَأْيَسُوا مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِنَّمَا
لَا يَأْيَسُ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ (٨٧)

Maksudnya: Wahai anak-anakku, pergilah kamu dan carilah berita tentang Yusuf dan saudaranya (Bunyamin) dan janganlah kamu berputus asa daripada rahmat dan pertolongan Allah! Sesungguhnya, tidak ada yang berputus asa daripada rahmat dan pertolongan Allah melainkan kaum yang kafir.

Di samping dorongan dan perangsang kepada anak-anak, para ibubapa juga perlu sentiasa mengingatkan anak-anak tentang pentingnya menjaga adab terhadap para guru. Guru merupakan

golongan yang berhak untuk diberikan kemuliaan kerana mereka telah menyambung tugas mendidik umat yang diwariskan oleh para nabi dan rasul *alaihimus salam*. Didiklah anak-anak supaya menghormati guru sebagaimana mereka menghormati ibu bapa. Ingatlah, tanpa keredaan guru, ilmu yang dipelajari oleh anak-anak tidak akan mendapat keberkatan di sisi Allah *subhanahu wata'ala*.

Antara adab terhadap guru adalah sentiasa memulakan salam apabila bertemu atau berselisih dengan guru, berusaha untuk menyelesaikan kerja-kerja atau tugasan yang diberikan oleh guru dengan sebaik-baiknya, tidak menyinggung perasaan guru sama ada melalui percakapan atau perbuatan, meminta izin sebelum bertanya sesuatu, merendahkan diri, dan mengelakkan daripada bertengkar dengan guru.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Bermula pada minggu pertama tahun baharu ini juga, iaitu pada 2 Januari 2025 yang lalu sehingga 13 Februari 2025 akan datang, sebahagian anak-anak kita akan menghadapi peperiksaan SPM, STPM dan STAM, satu fasa dalam proses pembelajaran yang amat penting bagi mereka, untuk membolehkan anak-anak kita meneruskan usaha menuntut ilmu pengetahuan dan kemahiran di peringkat yang lebih tinggi, demi masa hadapan mereka dari segi kemajuan, kesejahteraan dan karier. Kejayaan yang mereka peroleh pada masa hadapan turut memberi impak yang besar kepada pembangunan umat Islam di negeri kita ini secara holistik. Kita amat

memerlukan cendekiawan Islam yang mempunyai tahap intelektual yang tinggi demi masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, khatib menyeru agar semua calon SPM, STPM dan STAM tahun 2024 agar hadir menghadiri peperiksaan yang telah ditetapkan itu. Pada masa yang sama, kerjasama dan sokongan moral daripada semua pihak termasuklah ibu bapa, penjaga, waris, jiran tetangga, Persatuan Ibu bapa dan Guru, Persatuan Ibu Bapa Komuniti dan Sektor Swasta, serta Ketua Masyarakat amatlah diharapkan untuk membantu memastikan anak-anak kita yang akan menduduki peperiksaan-peperiksaan tersebut hadir ke tempat peperiksaan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia dan bersedia secara mental dan emosi. Sentiasalah berdoa kepada Allah *subhanahu wata'ala* supaya dipermudahkan segala urusan untuk menjawab peperiksaan tersebut. Semoga calon-calon yang menduduki peperiksaan ini mendapat keputusan yang cemerlang. Amin.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya ialah :

Pertama: Umat Islam khususnya ibu bapa hendaklah menerapkan pendidikan agama terhadap anak-anak dan seluruh ahli keluarga merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak.

Kedua: Ibu bapa hendaklah mewujudkan persekitaran yang baik dan kondusif untuk proses pendidikan yang lebih berkualiti kepada anak-

anak dan memperuntukkan masa tertentu untuk bersama anak-anak dan membantu menyelesaikan sebarang masalah harian mereka.

Ketiga: Ibu bapa hendaklah sentiasa memberi galakan dan rangsangan kepada anak-anak supaya mereka menjadi orang yang berjaya di dunia dan akhirat. Kejayaan dan kecermelangan anak-anak kita dalam pendidikan dan peperiksaan akan memberi impak yang berguna kepada umat Islam pada masa akan dating.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ali Imran, ayat 200:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: Wahai orang yang beriman, bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara kebijakan) dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan) serta tetaplah bersiap sedia (dengan kekuatan pertahanan di perbatasan negerimu) dan bertaqwalah kepada Allah mudah-mudahan kamu berjaya (mencapai kemenangan)!

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ . أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ رَبِّنَا. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada situasi cuaca yang tidak menentu sekarang, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing khususnya kawasan-kawasan di tempat yang rendah dan kawasan kerap banjir. Selain itu, tiupan angin monsun timur laut secara berterusan dan kencang boleh menyebabkan laut bergelora dan ombak besar di perairan Laut China Selatan. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Sehubungan dengan itu juga, marilah kita terus mengimarahkan masjid dengan menunaikan solat fardu berjemaah dan memperbaiki keikhlasan dalam setiap amalan kita. Sesungguhnya Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa membalaik dan mengurniakan rahmat segala kebaikan yang kita laksanakan. Selain itu, pastikan makanan harian kita adalah daripada sumber yang halal dan baik. Dalam masa yang sama, teruskanlah kita menghormati dan mentaati pemimpin yang beriman. Nilai perpaduan ummah terus disirami dan

direndangkan demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat Sarawak.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyak berselawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintah oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّفِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّفِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى أُلَّفِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّفِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيِّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمَوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ الدُّعَواتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keselesaan dan kemenangan dalam

menghadapi musuh yang sentiasa menganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanlah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.